

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 4.11.2015 (RABU)

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakan jumlah aduan rakyat Malaysia terhadap GST sejak ia dilaksanakan sehingga sekarang. Senaraikan jenis aduan utama daripada rakyat mengikut kategori dan nyatakan berapa kes.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah **menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan** yang boleh digunakan oleh pengguna bagi mengemukakan aduan berkaitan pelaksanaan GST. Orang ramai boleh menyalurkan sebarang aduan berkaitan isu kepenggunaan melalui kaedah berikut:

- a) Portal e-Aduan KPDNKK;
- b) Talian *Hotline* 1-800-886-800;
- c) Hadir sendiri ke mana-mana pejabat / cawangan KPDNKK yang berhampiran;
- d) Surat kepada KPDNKK;
- e) Emel di alamat e-aduan@kpdnkk.gov.my;
- f) Aplikasi Telefon Pintar - MyKira GST;
- g) Aplikasi Telefon Pintar - Ez ADU KPDNKK;
- h) Peti Aduan Pengguna yang ditempatkan di pasaraya dan pasar awam;
- i) Pejabat-pejabat Penghulu;
- j) Pusat Aduan Bergerak;
- k) SMS ke 15888; dan
- l) Media sosial melalui *Twitter* dan *Facebook* KPDNKK.

Untuk makluman Dewan yang mulia, semenjak GST diperkenalkan pada 1 April 2015 lalu, Kementerian telah menerima sebanyak **7,408 aduan daripada pengguna sehingga 3 November 2015**. Daripada jumlah tersebut, **55% (4,122 aduan) adalah aduan mengenai kenaikan harga barangan dan perkhidmatan seperti**

kenaikan harga makanan dan minuman di kedai makan atau restoran dan kenaikan harga barangan di pasaraya. Manakala **21% (1,472 aduan)** daripada aduan tersebut pula adalah mengenai caj GST yang dikenakan ke atas kad tambah nilai telefon bimbit, **12% (884 aduan)** mengenai kegagalan pihak peniaga untuk memaparkan nombor ID GST pada resit yang dikeluarkan kepada pengguna, **8% (565 aduan)** mengenai caj perkhidmatan dan selebihnya adalah aduan pelbagai seperti pengangkutan awam yang dikenakan caj GST dan sebagainya.

Hasil daripada penguatkuasaan undang-undang di bawah Kementerian ini, sehingga **3 November 2015**, sebanyak **136** kertas siasatan melibatkan pencatutan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **87** kertas siasatan telah diambil tindakan di bawah Seksyen 14 kerana kesalahan mencatut manakala **44** kertas siasatan adalah kesalahan di bawah Seksyen 21(5) kerana gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan **5** kertas siasatan adalah kesalahan di bawah Seksyen 53A Akta tersebut kerana tidak menyelenggara rekod perniagaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Daripada **136** kertas siasatan yang dibuka, sebanyak **12** kes telah disabit di Mahkamah Khas Antipencatutan di bawah Seksyen 14(1) Seksyen 21(5) AKHAP dan Seksyen 53A 2011 iaitu 3 kes di Melaka, 3 kes di Selangor, 2 kes di Putrajaya dan masing-masing 1 kes di Kelantan, Johor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah keseluruhan denda **RM365,500**. Manakala **2** kes lagi di Pulau Pinang dan di Kelantan masih dalam peringkat

pendakwaan di Mahkamah. Sebanyak **13** kes telah dikompaun di bawah Seksyen 14(1), dan Seksyen 21(5) AKHAP 2011 iaitu 6 kes di Melaka, 3 kes di Negeri Sembilan dan masing-masing 1 kes di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Terengganu dengan jumlah keseluruhan kompaun **RM535,000**. Sehingga kini, **5 kes telah selesai dikompaun** dengan jumlah keseluruhan **RM105,000**, manakala sebanyak **8 kes** dengan keseluruhan tawaran kompaun sejumlah **RM430,000 masih dalam peringkat rayuan** dan belum dijelaskan.

Tindakan akan terus dipertingkatkan dengan kerjasama Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) yang menyalurkan maklumat dengan mensasarkan kepada syarikat yang berdaftar di bawah GST yang telah membuat tuntutan Bayaran Balik Khas Cukai Jualan dan Cukai Input bagi memperkasakan penguatkuasaan Seksyen 10A Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan tujuan memastikan faedah tuntutan cukai di bawah GST boleh dinikmati oleh pengguna.